



**LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA**  
**MALAYSIAN PINEAPPLE INDUSTRY BOARD**  
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Malaysia  
*Ministry Of Agriculture And Agro Based Industry Malaysia*  
Wisma Nanas,  
No. 5, Jalan Padi Mahsuri,  
Bandar Baru Uda,  
81200 JOHOR BAHRU,  
JOHOR, MALAYSIA



Tel. : 07-2361211/012  
07-2351587  
Faks : 07-2365694/5451  
Email : [umum@mpib.gov.my](mailto:umum@mpib.gov.my)  
Portal Rasmi : <http://www.mpib.gov.my>

**TALKING POINT**  
**YB TUAN SIM TZE TZIN**  
**TIMBALAN MENTERI PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI**

**MAJLIS PELANCARAN LANDSKAP NANAS HIASAN**  
**PUSAT KHIDMAT RAKYAT PARLIMEN BAYAN BARU PULAU PINANG**  
**18 JANUARI 2020**

1. Selamat Pagi dan Salam Sejahtera kepada semua yang hadir ke program **pelancaran landskap nanas hiasan** pada hari ini.
2. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang sudi hadir pada majlis pagi ini bagi sama-sama melihat dan meraikan majlis yang diadakan.
3. Majlis ini merupakan **inisiatif Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)** dalam mengembangkan dan memperkenalkan tanaman nanas hiasan sebagai tanaman landskap yang menarik dan boleh di tanam di pelbagai tempat dan lokasi.
4. Nanas hiasan merupakan terma nama kepada tanaman **Bromeliad**, di dalam keluarga **Bromeliaceae** yang terdiri daripada **3475 spesies** dimana nanas atau nama **saintifiknya ananas comosus** merupakan salah satu spesies di dalam family ini.
5. Ananas Comosus (nanas) adalah spesies pokok di dalam keluarga Bromeliaceae yang paling popular dan paling banyak ditanam di dunia serta berbuah yang menjadikannya tanaman komersial
6. Ananas Comosus sendiri juga mempunyai jenis yang dikategorikan sebagai nanas hiasan seperti **Red Pineapple** dan **Hana** dan tidak boleh dimakan seperti **nanas segar varieti MD2, Josapine, Moris** dan lain-lain.
7. Nanas hiasan dan bromeliad ini **mempunyai potensi besar** untuk dimajukan setanding dengan **industri orkid** yang telah berkembang maju sekian lama.
8. **Malaysia mempunyai kelebihan** terutamanya daripada segi **faktor kedudukan geografi di garisan khatulistiwa** yang menyebabkan negara ini mengalami cuaca panas dan lembab sepanjang tahun dan amat sesuai untuk penanaman dan pembiakan nanas hiasan ini.

9. Tidak seperti negara Belanda yang menanam di dalam Green House kerana faktor cuaca, di negara kita nanas hiasan ini boleh ditanam di kawasan luar bangunan dan ini sekaligus **menjadikan kos penanamannya agak rendah** berbanding negara lain.
10. Dengan kelebihan yang ada, mereka yang terlibat dalam industri nanas hiasan ini dijangka mampu **memberi pendapatan yang lumayan** kepada pengusaha kerana harganya yang tinggi setanding dengan orkid serta lain-lain tumbuhan perhiasan dan bunga-bunga.
11. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) akan memainkan peranan dalam **mempromosi dan mengembangkan** industri pokok hiasan nanas Bromeliad ini.
12. Tanaman hiasan nanas Bromeliad mampu hidup antara 1 hingga 3 tahun bergantung kepada spesis pokok menjadikan tanaman ini ekonomik dari segi pemeliharaan sebagai pokok hiasan.
13. Sama keadaan seperti nanas segar, pokok nanas hiasan yang telah matang akan menghasilkan bunga dan seterusnya menghasilkan sulur (anak) dalam tempoh 3 ke 4 bulan
14. Secara semulajadi, Bromeliad boleh dijumpai hidup di dalam **3 cara** bergantung kepada bentuk fisiologi pokok tersebut iaitu secara terus diatas **tanah, di celah batu dan diatas pokok** secara epifit
15. Pokok di dalam genus *tillandsia* atau lebih dikenali sebagai 'air plant' **tidak memerlukan tanah untuk hidup** dan hanya mendapatkan air daripada udara melalui trichomes yang terdapat di bawah daunnya merupakan kumpulan genus yang paling banyak spesis
16. Pokok dari kumpulan genus *dyckia* pula mempunyai struktur daun yang tebal, berduri tajam dan seakan – akan pokok kaktus dan succulent merupakan pokok yang hidup di Kawasan kering di celah-celah batu
17. Antara nama pokok bromeliad yang popular dijadikan hiasan adalah ***Aechmea Fasciata, Aechmea Chantinii, Guzmania Allura, Cryptanthus Bivittatus, Tillandsia Houston, Tillandsia Xerographica, Tillandsia 'cotton candy', Tillandsia Bulbosa dan Tillandsia lonantha***
18. Nanas Hiasan Bromeliad mempunyai potensi dan nilai komersial yang tinggi di dalam dan luar negara. **Nilai eksport industri pokok hiasan dunia** pada tahun 2017 dianggarkan berjumlah **162 Billion USD yang melibatkan 156 negara**.
19. Belanda menduduki tangga pertama dengan nilai eksport bernilai 10 billion USD diikuti Colombia, Jerman, Ecuadro dan Itali manakala Malaysia berada di tangga ke -15 dengan nilai eksport 138 juta USD (RM552 juta).



20. Bagi nanas hiasan dan ornamental, Malaysia mengeksport sebanyak **RM16.78 juta** pada tahun 2018 daripada keseluruhan **RM342 juta** bagi eksport produk nanas termasuk nanas segar.
21. Melihat kepada potensi yang ada, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) telah mula mengorak langkah dalam memperkenalkan dan memajukan industri ini dengan menjadikan **Stesen Nanas Sungai Tong di Terengganu** sebagai **pusat pembiakan dan penanaman** nanas hiasan Bromeliad
22. Selain dari itu, Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani melalui LPNM **sedia membantu pihak-pihak berkuasa dan berkepentingan** dalam menjadikan tanaman nanas hiasan Bromeliad sebagai tanaman landskap seperti di kawasan **perumahan, perbandaran dan komuniti, lapangan terbang, pusat membeli belah, taman-taman awam dan rekreasi** dan lain-lain tempat.
23. Program pelancaran landskap nanas hiasan pada hari ini merupakan simbolik dan juga publisiti kepada masyarakat mengenai tanaman istimewa ini yang mempunyai kelebihan dan keunikan untuk dipelbagaikan penggunaannya.
24. Selain dijadikan tanaman landskap untuk laman, ia juga boleh di jadikan dekorasi bagi **hiasan meja, hiasan dalaman, cenderamata, majlis perkahwinan, sektor perhotelan dan juga pelancongan.**
25. LPNM akan mengambil pendekatan untuk mempromosikan dan memperkenalkan tanaman nanas hiasan bromeliad melalui **pameran-pameran dan memperkenalkan usahawan** nanas hiasan Bromeliad kepada pengunjung seperti yang dilaksanakan pada hari ini.
26. Selaras dengan pelancaran pada hari ini, saya akan meminta supaya industri nanas hiasan ini dijadikan pelan strategik LPNM bagi tujuan mengembang, memacu dan memajukan lagi sektor ini.
27. Saya juga dimaklumkan oleh Pengerusi LPNM bahawa pelancaran dan promosi seperti ini akan terus dilaksanakan di lokasi yang berlainan bagi merancakkan lagi serta menarik minat masyarakat untuk menjadikan ia sebagai tanaman hiasan utama.
28. Dan apa yang lebih penting adalah **ruang dan peluang kepada pengusaha dan bakal pengusaha** seperti **golongan agropreneur muda** untuk **melibatkan diri** dalam industri nurseri dan pembekalan nanas hiasan sekaligus boleh memberikan **pendapatan yang lumayan** kepada mereka yang terlibat.

29. Pihak Kementerian mengharapkan sokongan dan dokongan daripada pihak berkepentingan seperti **Jabatan Landskap Negara dan Pihak Berkuasa Tempatan** dalam mempromosikan dan seterusnya mengaplikasikan penggunaan tanaman nanas hiasan ini sebagai tanaman landskap.
30. Akhir kata saya ucapkan tahniah kepada pihak LPNM dalam penganjuran majlis ini dan usaha yang dilakukan bagi mengetengahkan tanaman nanas hiasan sebagai tanaman landskap di negara kita.
31. Saya mendoakan semoga usaha yang kita laksanakan ini akan berjaya dengan sokongan daripada semua pihak yang terlibat dan seterusnya memberi manfaat kepada negara amnya dan pengusaha khususnya.

#####

***Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:  
Elmie Adha Ismail  
Ketua Unit Komunikasi Korporat  
Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia  
013-3009075***